

25/09/2002

Kerajaan rancang insentif khusus pengusaha produk kayu

KERAJAAN merancang menyediakan insentif khusus kepada pengusaha dalam industri pengeluaran produk kayu bagi menggalakkan lagi pelaburan dalam sektor berkenaan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata bagi tujuan itu, kementeriannya akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, insentif khusus untuk industri pengeluaran produk kayu mampu membantu pengeluar meningkatkan kegiatan ditambah nilai, di samping mempelbagaikan kegiatan hilirannya.

"Insentif yang dirancang itu adalah sebagai menyokong beberapa galakan cukai yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Bajet 2003 baru-baru ini, bagi membantu syarikat meningkatkan eksport barangan perkilangan, pertanian dan perkhidmatan mereka.

"Ia adalah satu cadangan yang baik kerana ketika ini tiada insentif khusus kepada industri kayu," katanya selepas merasmikan Konvensyen Pemasaran Kayu-kayan Malaysia (MTMC) 2002, di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman dan Presiden Persatuan Perakayuan Malaysia, Tunku Tan Sri Osman Ahmad.

Konvensyen dua hari anjuran Persatuan Perakayuan Malaysia (MTA) disertai kira-kira 200 delegasi dari pelbagai negara.

MTMC yang diadakan dua tahun sekali akan memberi tumpuan kepada isu berkaitan hala tuju sektor perakayuan serta kesannya kepada alam sekitar dan tanggapan pengguna terhadap produk berasaskan kayu.

Lim berkata, sebagai sebuah negara pengeluar kayu tropika, Malaysia akan terus memainkan fungsi penting dalam usaha meningkatkan imej produk kayu tempatan di pasaran antarabangsa.

Keutamaan akan turut diberikan dalam kegiatan penjenamaan dan pensijilan produk bagi mematuhi kehendak pasaran antarabangsa, katanya.

Lim berkata, Malaysia yang ketika ini memiliki kira-kira 62 peratus kawasan hutan kekal akan terus menyertai pelbagai forum antarabangsa termasuk Forum Perhutanan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFF) yang akan berlangsung pada 2005.

Beliau berkata, industri kayu Malaysia yang mencatat pertumbuhan positif sejak 10 tahun lalu menyaksikan perkembangan menggalakkan dalam kegiatan hiliran, terutama bagi menghasilkan perabot dan produk siap berasaskan kayu.

Eksport perabot Malaysia pada 2000 menyumbang RM5.6 bilion kepada industri kayu negara.

"Bagaimanapun, prestasi eksport produk kayu tahun lalu mengalami kemerosotan berikutan tekanan daripada kedudukan ekonomi dunia, yang menyeksikan eksport perabot susut kepada RM4.8 bilion," katanya.

Lim berkata, pengeluar produk kayu tempatan perlu meningkatkan keupayaan mereka menerusi penggunaan mesin berteknologi tinggi bagi menghasilkan produk ditambah nilai.

"Dalam pada itu, aspek pembungkusan, penjenamaan, pemasaran dan pengiklanan adalah penting bagi memberi lebih nilai kepada sesuatu produk yang dihasilkan," katanya.